

Kesan Kemasukan Warga Asing ke Malaysia

oleh Siti Syamila Amir Hamzah

Pegawai Penyelidik

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Kemasukan warga asing merupakan satu isu yang perlu ditangani dengan berhemah. Dalam keadaan negara yang semakin maju dan berkembang ini, kita tidak dapat menghalang kemasukan warga asing kerana tawaran yang diberikan adalah sangat menarik seperti kos buruh yang murah dan kemahiran yang dimiliki. Disamping sumbangan yang positif terhadap ekonomi tersebut, kemasukan mereka telah mendatangkan pelbagai kesan yang negatif terhadap negara. Antara lain, warga asing ini turut dikaitkan dengan masalah sosio-ekonomi yang sukar dibendung seperti mendirikan kawasan perumahan haram, pencemaran alam sekitar, membawa penyakit berjangkit yang sukar dikawal dan peningkatan aktiviti jenayah. Akibatnya, disamping mencemarkan imej negara dengan menggambarkan kelemahan pentadbiran kerajaan, ianya juga turut menyumbang kepada pengagihan ekonomi yang tidak seimbang.

Dari sudut ekonomi, kehadiran buruh asing menyumbang kepada masalah pengangguran dalam kalangan rakyat tempatan. Hal ini disebabkan oleh sikap sesetengah majikan yang lebih mengutamakan warga asing yang sanggup menerima upah yang lebih rendah berbanding rakyat tempatan. Masalah ini bertambah rumit apabila warga tempatan meminta upah yang lebih tinggi disebabkan peningkatan kos sara hidup. Majikan mempunyai hak untuk memilih pekerja yang paling murah dan produktif melalui prinsip pengagihan sumber yang cekap. Oleh yang demikian campurtangan kerajaan adalah perlu untuk menggalakan majikan mengutamakan tenaga kerja tempatan. Umpamanya, dengan mewujudkan insentif kepada majikan yang mengutamakan tanggungjawab sosial dengan menggaji rakyat tempatan di dalam sektor yang dikuasai warga asing seperti sektor pembinaan.

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

Dalam pada itu, kebanjiran warga asing juga menyebabkan rakyat terpaksa bersaing dan berkongsi subsidi serta kemudahan yang disediakan oleh kerajaan termasuk kemudahan perubatan dan pengangkutan awam. Baru-baru ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaporkan bahawa telah mengalami kerugian sebanyak RM30.47 juta kos perubatan pesakit yang masih belum berbayar. Sebanyak 58 peratus daripadanya merupakan kos rawatan yang telah diberikan kepada warga asing. Akhirnya pihak hospital terpaksa menanggung kos perubatan tersebut yang berpunca daripada pelbagai kerenaah warga asing antaranya pemalsuan dokumen, kurangnya kerjasama pihak kedutaan negara dan majikan serta tiada dokumen perjalanan yang sah.

Kemasukan warga asing juga sering dikaitkan dengan merebaknya beberapa kes penyakit berjangkit seperti *kala azar* atau demam hitam yang dipercayai dibawa oleh pendatang dari India, Bangladesh dan Myanmar. Menurut rekod Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), penyakit berjangkit seperti batuk kering adalah disebabkan interaksi rakyat tempatan dengan pendatang asing. Hal ini akan menyebabkan turunnya taraf kesihatan rakyat Malaysia justeru itu akan menambahkan lagi kos rawatan yang perlu ditanggung oleh pihak hospital.

Walaupun secara umumnya, kerajaan boleh mengamalkan diskriminasi harga terhadap warga asing di dalam penggunaan barangan awam seperti hospital kerajaan. Namun, harga yang dikenakan jauh lebih rendah dari harga swasta kerana kerajaan juga mempunyai tanggung jawab diperingkat antarabangsa di atas dasar keperimansiaan.

Disamping itu, kerajaan perlu meningkatkan lagi kawalan terhadap kadar kemasukan warga asing ke Malaysia. Antara implikasi dari sudut sosial dapat dilihat dengan bertambahnya kegiatan jenayah yang dilakukan oleh pendatang asing yang mendatangkan kerugian yang besar perlu ditanggung oleh negara. Terdapat banyak kes ragut, pecah rumah dan samun yang dikaitkan dengan pendatang asing. Pada tahun lepas sahaja, lebih 9,000 kes jenayah dilaporkan yang melibatkan pendatang asing.

Selain itu, kehadiran warga asing ke negara ini secara tidak langsung segelintirnya membawa masuk budaya negatif yang bertentangan dengan norma hidup masyarakat tempatan. Walaupun secara umumnya budaya asing ini tidak semestinya buruk dan bertentangan dengan norma manusia sejagat, namun ianya perlu dipantau oleh pihak berwajib supaya tidak mendatangkan

implikasi yang negatif terhadap budaya tempatan. Selain dari itu, terdapat juga warga asing tanpa izin yang menyumbang kepada ancaman terhadap keselamatan sosial, dimana ada diantara mereka merupakan penjenayah yang dikehendaki oleh pihak berkuasa di negara asal mereka. Oleh itu, suatu sistem saringan yang berkesan diperlukan untuk membendung kahadhiran warga asing tanpa izin disamping memastikan pendedahan dengan izin bebas dari kegiatan jenayah.

Sudah terang lagi bersuluh, kemasukan warga asing tanpa kawalan menyumbang banyak kesan negatif di negara ini, disamping tujuan asalnya untuk membantu proses pertumbuhan ekonomi Malaysia. Pihak kerajaan haruslah mengkaji dari segala aspek, termasuk dari segi ekonomi, politik, dan sosial, buruk baiknya kemasukan warga asing ini demi menjamin pembangunan ekonomi yang mampan dan kesejahteraan rakyat jelata. Tanggungjawab ini bukan sahaja terletak di bahu pihak kerajaan semata-mata sebaliknya menuntut kerjasama dan sokongan semua pihak. Hal ini sangat penting bagi memastikan implikasi negatif akibat kemasukan warga asing secara berleluasa ke negara kita dapat dibendung dan tujuan asalnya untuk mempercepatkan proses pertumbuhan ekonomi tercapai. Kemasukan pekerja asing juga diharap lebih tertumpu kepada peningkatan skil dan kualiti supaya menyumbang kepada peningkatan produktiviti. Apa yang menjadi kebimbangan apabila penambahan bilangan warga asing ini semakin hari semakin mengganggu ekonomi Malaysia dengan peningkatan kemasukan pekerja tanpa kemahiran yang setimpal untuk menjana pertumbuhan ekonomi.